



TEKS UCAPAN

YBHG. DATUK MOHD ZUKI BIN ALI

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN

JABATAN PERDANA MENTERI

BERSEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN BULAN OGOS 2017

Tarikh : 23 OGOS 2017 (ISNIN)

Masa : 8.30 PAGI

**Tempat : AUDITORIUM JPM
BLOK B1, KOMPLEKS JPM**

Terima kasih Saudara dan Saudari Pengerusi Majlis, Pembaca Doa dan juga Pasukan Koir daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.

Yang Berbahagia Datuk Haji Zainal Abidin bin Abu Hassan,
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan) JPM,

Yang Berusaha Puan Normi binti Nordin,
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) JPM,

Yang Berbahagia Datuk Almalena Sharmila Binti Dato' Dr. Johan,
Penasihat Undang-undang JPM,

Yang Berbahagia Datuk CP Zamri Bin Yahya,
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan JPM

Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Sehati Sejiwa.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama menzahirkan rasa syukur kepada Allah S.W.T kerana kita dapat berkumpul pada pagi ini sempena Perhimpunan Bulanan bagi bulan Ogos 2017 yang merupakan perhimpunan bulanan pertama bagi saya sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kanan. Terima kasih kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia selaku tuan rumah bagi Majlis Perhimpunan Bulanan pada kali ini.

AMANAT SEBAGAI TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN YANG BARU

2. Seperti yang hadirin sekalian sedia maklum, saya telah memulakan tugas sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri berkuatkuasa pada 1 Ogos 2017 yang lalu. Pada hari ini, genap tempoh saya selama 22 hari sebagai TKSUK JPM dan saya masih dalam tempoh menyesuaikan diri dengan tugas dan amanah yang begitu besar diberikan kepada saya ini. Jikalau sebelum ini jadual tugas saya sebagai Setiausaha

Persekutuan Sarawak tidak terlalu padat, namun sekarang, hakikatnya jadual tugas sebagai TKSUK JPM begitu padat setiap hari. Oleh itu, saya perlu menguruskan masa dengan lebih efisien demi menyelesaikan tugas dan menghadiri mesyuarat serta majlis rasmi yang perlu diberikan keutamaan. Begitulah realitinya, jawatan yang besar seperti ini memerlukan komitmen dan pengorbanan yang besar daripada kita.

3. Sebenarnya, Jabatan Perdana Menteri ini bukan asing bagi saya. Saya yakin dan percaya, rata-rata warga JPM di dalam dewan ini telah pun mengenali saya sebelum ini. Justeru, saya mengambil peluang dalam perhimpunan bulanan kali ini, Saya mengharapkan agar YBhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan semua akan memberikan sokongan yang padu dan kepercayaan yang tinggi kepada saya bagi menggalas tugas dan amanah serta bersama-sama merealisasikan aspirasi JPM dengan penuh, komited, dedikasi dan integriti yang tinggi sekaligus menjadikan Jabatan Perdana Menteri di bawah kepimpinan YBhg Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara terus cemerlang dan setanding dengan kualiti Perkhidmatan Awam di Negara-negara Maju di seluruh dunia, insyaAllah.

Hadirin-hadirat yang dikasihi sekalian,

4. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua penerima surat kenaikan pangkat, Anugerah Penjawat Awam Cemerlang Bulanan (APCB) JPM dan Anugerah Peminjam Buku Terbanyak Perpustakaan JPM bagi bulan Julai 2017. Semoga kecemerlangan ini dapat dijadikan sebagai penyuntik semangat kepada semua warga kerja JPM yang lain pada masa akan datang bersesuaian dengan budaya self-development dan self-improvement yang hanya boleh dicapai melalui (1) penguasaan ilmu, (2) peningkatan kemahiran dan (3) semangat kerja berpasukan.

5. Selamat Datang juga diucapkan kepada semua warga kerja baru JPM. Semoga dengan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan dapat membantu JPM terus cemerlang dalam menyampaikan perkhidmatan kepada semua stakeholders. JPM sentiasa mengalu-alukan idea-idea baru, kreatif serta berinovasi dan berimpak tinggi yang boleh dijadikan sebagai tanda aras kepada perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan.
6. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada warga kerja yang bertukar keluar di atas segala sumbangan yang dicurahkan selama ini. Saya mendoakan agar tuan-tuan dan puan-puan sentiasa berjaya dalam tugas yang diamanahkan dan sentiasa mengekalkan kecemerlangan di agensi yang baru.
7. Kepada warga yang bersara sama ada bersara pilihan atau bersara wajib, saya ucapkan Selamat Bersara dan saya merakamkan ucapan terima kasih atas sumbangan dan bakti yang telah diberikan sepanjang perkhidmatan dalam Perkhidmatan Awam, terutamanya semasa berkhidmat di JPM. Tidak lupa juga untuk saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg Tan Sri Othman Bin Haji Mahmood, mantan TKSUK JPM yang telah bersara demi kepentingan Negara pada 31 Julai 2017 yang lalu di atas sumbangan dan jasa beliau yang begitu banyak khususnya kepada JPM. Setinggi tinggi tahniah juga diucapkan kepada beliau kerana diberi mandat untuk meneruskan khidmat bakti beliau kepada Negara dengan menggalas tugas yang baru sebagai Timbalan Pengerusi SPR berkuatkuasa pada 16 Ogos baru-baru ini.

ISU KEBOCORAN RAHSIA RASMI KERAJAAN

8. Untuk makluman semua, Kerajaan sedang giat dalam proses transformasi dan pembangunan untuk melonjakkan Negara kepada sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi. Namun usaha-usaha tersebut sedikit sebanyak

direncatkan oleh kebocoran maklumat dan rahsia rasmi Kerajaan. Sayugia, Kerajaan memandang serius isu kebocoran rahsia rasmi Kerajaan yang mana telah menjejaskan integriti dan keutuhan Kerajaan untuk terus fokus dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

9. Sehubungan ini, pihak Kerajaan meminta kesemua penjawat awam mentaati ikrar perkhidmatan awam untuk tidak membocorkan rahsia rasmi kerajaan. Ini kerana insiden kebocoran rahsia rasmi Kerajaan sebelum sesuatu pengumuman rasmi dibuat oleh kerajaan boleh memberi implikasi kepada keputusan Kerajaan yang akan mendatangkan mudarat kepada keselamatan, pertahanan, kewangan dan kredibiliti kerajaan. Penjawat awam juga diingatkan supaya sentiasa berpegang kepada aku janji dan Perakuan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 yang telah ditandatangani oleh kita semua semasa menjawat di dalam perkhidmatan awam dulu.
10. Membocorkan rahsia rasmi Kerajaan merupakan suatu tindakan/perbuatan menyampaikan secara langsung atau secara tidak langsung sesuatu maklumat rahsia rasmi kepada mana-mana pihak yang tidak berkenaan. Mana-mana individu yang disabitkan atas kesalahan membocorkan rahsia boleh dihukum dengan mandatori penjara tidak kurang dari satu tahun tetapi tidak melebihi tujuh tahun.
11. Pihak Kerajaan menerusi Pejabat CGSO telah mengambil langkah-langkah konstruktif bagi membendung gejala kebocoran maklumat/ dokumen sulit Kerajaan dengan mengadakan program pendidikan dan kesedaran keselamatan perlindungan kepada semua pegawai awam termasuk pegawai-pegawai yang bertugas di pejabat anggota pentadbiran peringkat Persekutuan dan Negeri.
12. Untuk tujuan ini, tidak kurang daripada 7000 taklimat/ ceramah dan kursus telah disampaikan kepada penjawat awam dalam tempoh 2010-2017. Bagi tempoh yang sama, Pejabat CGSO juga telah menyelidiki sebanyak 710,000 latar

belakang penjawat awam dan individu yang berurusan dengan pihak Kerajaan melalui tapisan keselamatan.

13. Pihak CGSO juga telah menjalinkan kerjasama strategik dengan agensi utama yang terlibat secara langsung dengan keselamatan ICT termasuk MAMPU, Cyber Security Malaysia, NCSA dan SKMM. Tujuan kerjasama ini adalah untuk merangka dan menyediakan satu platform yang berkesan untuk menangani isu kebocoran/ ketirisan maklumat di dalam sektor awam dan ancaman keselamatan dalam bentuk siber. Antara program yang telah dilaksanakan adalah menggubal Dasar Perlindungan Ketirisan Maklumat Elektronik Sektor Awam (DLP) dan Rangka Dasar Keselamatan Siber Sektor Awam (RAKKSA).

YBhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan sekalian,

PERSIAPAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA TAHUN 2017

14. Seperti kelaziman pada setiap tahun, kita sebagai rakyat Malaysia akan menyambut Hari Kebangsaan pada setiap 31 Ogos. Pada tahun ini, Sambutan Hari Kebangsaan dengan tema Negaraku Sehati Sejiwa telah dimulakan dengan Majlis Pelancaran Negaraku Sehati Sejiwa yang disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia pada 8 Ogos 2017 di Batu Pahat, Johor. Antara program-program utama lain yang telah diatur pada tahun ini adalah seperti Kayuhan Merdeka, Doa Untuk Malaysia dan Merdeka My Buddies Run.
15. Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini adalah sangat istimewa bagi kita kerana konsep yang ingin dipertontonkan kepada umum dengan mengambil kira suasana sambutan kemerdekaan pada tahun 1957 di Dataran Merdeka.

16. Alhamdulillah, saya lihat persiapan terutamanya bagi Acara Perbarisan dan Perarakan yang diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Acara, JPM bagi Sambutan Hari Kebangsaan tahun ini dengan kerjasama erat Sekretariat Merdeka KKMM, JKKN, KPM, ATM, PDRM dan agensi-agensi lain berjalan dengan lancar dan mengikut *timeline* yang ditetapkan. Malah, YAB Perdana Menteri sendiri juga turut sama turun padang bagi menyaksikan persiapan yang dilaksanakan ini. Semoga persiapan selanjutnya akan berjalan dengan lancar dan sempurna. Dikesempatan ini juga, saya menyeru dan mengajak semua hadirin beramai-ramai bersama keluarga tersayang di dalam dewan ini untuk turut sama-sama meraikannya di Dataran Merdeka pada 31 Ogos 2017 nanti.
17. Begitu juga dengan persiapan untuk Hari Malaysia pada tahun ini pada 16 September pula, yang mana pada tahun ini, Negeri Sabah Negeri di Bawah Bayu dipilih sebagai tuan rumah dan lokasi sambutannya akan diadakan di Kota Kinabalu. Semoga urusan dan persiapan selanjutnya dipermudahkan dan Sambutan Hari Malaysia pada tahun ini akan diraikan oleh semua rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan bangsa dengan meriah dan jayanya.

Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

SAMBUTAN HARI RAYA AIDILADHA 1438H/2017M

18. Selain dari kita akan menyambut Hari Kebangsaan pada 31 Ogos 2017 nanti, semua umat Islam juga akan meraikan Sambutan Hari Raya Aidiladha pada 1 September 2017 ini. Kehadiran bulan Aidiladha yang mulia ini tidak hanya menuntut kita menghayati natijah dari sebalik ritual ibadah korban semata-mata, malahan menuntut munasabah untuk kita menilai kehidupan kita, sejauh mana kita telah menjalani kehidupan kita mengikut syariat dan tuntutan Islam.

19. Sebagai penutup, saya sekali lagi ingin mengingatkan kepada hadirin sekalian bahawa pentingnya kepada kita selaku rakyat Malaysia untuk bersama-sama menghayati Hari Kebangsaan negara ini serta bersyukur dengan keamanan dan kemerdekaan yang sedang kita kecapai pada masa kini.

20. Marilah kita bersama-sama memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2017 dengan turut hadir ke Dataran Merdeka untuk menyaksikan Acara Perbarisan dan Perarakan yang pastinya akan meninggalkan kesan serta memori yang cukup indah dalam hidup kita, InsyaAllah.

21. Saya juga menyeru agar kita dapat sentiasa meningkatkan mutu perkhidmatan yang terbaik dan bekerja dengan keikhlasan agar rezeki yang diperolehi itu akan sentiasa diberkati.

Akhir kata, Selamat Menyambut Hari Kebangsaan Tahun 2017 dan buat semua warga JPM beragama Islam, Selamat Menyambut Aidiladha saya ucapkan.

Wabillahittaufikwalhidayah,

Wassalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh.

Salam Sehati Sejiwa. Sekian, terima kasih.